12 NOV 1999
Mahkamah-Kayveas '''
MAHKAMAH SAHKAN KAYVEAS KEKAL PRESIDEN PPP

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Mahkamah Rayuan di sini hari ini mengesahkan Datuk M. Kayveas masih kekal sebagai presiden Parti Progresif Penduduk (PPP).

Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus membuat keputusan itu setelah menolak permohonan bekas setiausaha agung PPP P.V.Das untuk mengetepikan penggantungan keputusan Mahkamah Tinggi Seremban yang memutuskan sebaliknya.

Pada 18 Sept lepas, Mahkamah Tinggi itu memutuskan bahawa perisytiharan Pendaftar Pertubuhan yang mengiktiraf kedudukan Kayveas sebagai presiden parti komponen Barisan Nasional itu sebagai tidah sah.

Das mengemukakan permohonan itu selepas Kayveas pada 14 Okt berjaya mendapatkan perintah Mahkamah Rayuan untuk menggantung keputusan itu.

Hari ini Lamin membuat keputusan mengekalkan kedudukan Kayveas selepas mendengar hujah Kayveas yang mewakili diri sendiri, Tun Salleh Abas yang mewakili Das dan Peguam Kanan Persekutuan Datuk Zaitun Zauyah Puteh yang mewakili Pendaftar Pertubuhan.

Dalam hujahnya, Salleh menyentuh sama ada perintah penggantungan yang diberikan oleh Mahkamah Rayuan kepada Kayveas yang mengemukakan permohonan secara ex-parte, sah atau tidak.

Salleh, yang juga bekas Ketua Hakim Negara, mempertikaikan tindakan Kayveas, sebagai pegawai awam PPP, untuk mencampuri urusan rayuan Pendaftar Pertubuhan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi Seremban dalam perkara itu.

Bagaimanapun, dalam hujahnya, Kayveas berkata, keputusan mahkamah akan memberi kesan kepadanya kerana jika mahkamah membenarkan permohonan Das, peluangnya untuk mendapatkan kerusi bagi PPP pada pilihan raya umum 29 Nov ini akan terjejas.

Katanya, beliau mungkin terpaksa menunggu lima tahun lagi untuk berbuat demikian sekiranya mahkamah membuat keputusan yang memihak kepada Das.

Kayveas memberitahu Bernama petang ini keputusan Mahkamah Rayuan itu memberi keadilan kepada PPP yang telah begitu lama dibelenggu masalah perundangan akibat pelbagai permohonan yang dibuat di mahkamah oleh segelintir bekas pemimpin parti itu.

"Kami berharap PPP tidak lagi akan dibebankan oleh masalah seperti ini kerana ia membantutkan kemajuan parti dan perjuangan untuk lebih 250,000 ahli," katanya.

Menurut Kayveas, keputusan mengekalkannya sebagai Presiden PPP juga selaras dengan Seksyen 18 (c) Akta Pertubuhan yang melarang sebarang urusan parti politik di negara ini daripada dibawa ke mahkamah.

" Banyak masa dan wang telah dihabiskan kerana kes-kes membabitkan PPP. Seperti yang kita tahu, setiap kes mahkamah memlibatkan kos yang amat tinggi," katanya.

Kayveas, yang dipilih dua kali sebagai presiden PPP sejak 1993, berkata beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan untuk mengetahui kedudukan PPP sama ada akan diperuntukkan kerusi pada pilihan raya kali ini.

-- BERNAMA

AU MAI